

17 MAR 2003

MES-PAMERAN/I

PAMERAN MINYAK & GAS ASIA AKAN DIADAKAN JULAI INI

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Satu pameran kejuruteraan minyak, gas dan petrokimia Asia, Minyak & Gas Asia 2003, akan diadakan pada 14-17 Julai ini di pusat pameran the Mines di Seri Kembangan, dekat sini.

Menurut penganjurnya, Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd (MES), dalam satu kenyataan di sini hari ini, pameran itu mendapat sokongan Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS), Sirim Bhd dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Ia dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Menurutnya, pameran itu dijangka menarik 400 peserta pameran dari 30 negara termasuk Australia, Itali, Norway, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Antara mereka yang telah mengesahkan penyertaan di pameran itu adalah syarikat-syarikat multinasional seperti ABB, Exxon Mobil, UMW dan Shell. Para vendor Petronas juga dijangka turut serta.

Pameran itu dijangka menarik lebih 11,000 pelawat dagangan.

Sempena pameran itu, satu persidangan tentang teknologi laut dalam akan dianjurkan oleh MES bersama-sama dengan jurnal rasmi pameran itu, PETROMIN.

Persidangan dua hari itu akan bermula 15 Julai. -- BERNAMA

CL SD JR